

MIIEx2017

Melaka
International
Intellectual
Exposition

PROGRAMME ABSTRACT

AUTISM

INNOVATION

DESIGN

INVENTION

"Bridging Gaps with Creativity for Future Sustainability"

MIIEX2017



“Bridging the Gaps with Creativity for Future Sustainability”

EDITORS AND COMPILERS:

Prof. Madya Dr. Shafinar Binti Ismail
Mohd Halim Bin Mahphoth
Aemillyawaty Binti Abas
Fazlina Mohd Radzi
Aidah Alias
Ilinadia Jamil
Nor Yus Shahirah Hassan
Shafirah Shaari
Farihan Azahari

COVER DESIGN:

AFTI Sdn Bhd

PUBLISHED BY:

Division of Research and Industry Linkages
Universiti Teknologi MARA MELAKA
KM26 Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah Melaka
Tel +606-5582094/ +606-5582190 / +606-5582113
Web: www.miiex2017.com

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without permission of the copyright holder.

CRITICAL PATIENT SIGNAL OR C.P.S

Muhammad Hazirwan, Wan Mohamad Alif Wan Azimi, Anas Syazwan Asi,
Mohammad Asyreff Mohd Presley, & Amirul Aiman Muhamad

KOLEJ VOKASIONAL BESUT, TERENGGANU

Abstract

Pada zaman teknologi serba canggih ini kita dapat menyaksikan pelbagai jenis peranti dicipta bagi memudahkan aktiviti seharian. Oleh itu, kami mencipta sebuah produk yang dipanggil "Critical Patient Signal" (CPS). Tujuan utama projek CPS ini dicipta adalah bertujuan bagi memudahkan seseorang menjaga pesakit sambil melakukan kerja-kerja lain dalam masa yang sama. Selain daripada itu, individu tersebut dapat menjimatkan masa untuk melakukan kerja lain ketika menjaga pesakit tersebut. Tambahan lagi, CPS akan memudahkan mereka yang kurang upaya untuk meminta pertolongan daripada seseorang tanpa menggunakan tenaga yang banyak. CPS mempunyai dua istilah penting iaitu pemancar dan penerima seperti "walkie-talkie" bagi menghubungkan antara satu sama lain tanpa wayar. Fungsi pemancar adalah untuk menghantar isyarat kepada penerima apabila sensor dapat mengesan mana-mana suara atau bunyi. Antara ciri-ciri pemancar ialah mempunyai butang "ON/OFF" dan mempunyai tahap sensitivity terhadap bunyi. Fungsi penerima pula adalah untuk menerima isyarat dari pemancar dengan menghasilkan bunyi yang telah ditetapkan sebaik sahaja pemancar mengesan mana-mana bunyi. Penerima akan menghasilkan bunyi selama 5 saat. Antara ciri-ciri penerima ialah mempunyai butang "ON/OFF" dan mempunyai tahap lantang pembesar suara. Sasaran pengguna ialah pesakit kritikal yang memerlukan bantuan dengan segera tanpa memanggil-manggil menggunakan suara yang kuat. Pesakit hanya perlu menggoncangkan ataupun mengeluarkan suara yang kecil pada pemancar dan isyarat akan dihantar dan diterima terus kepada penerima (penjaga pesakit). Dengan inovasi produk baharu ini, parapengguna tidak perlu risau untuk meninggalkan pesakit agar dapat melakukan kerja-kerja lain kerana dengan adanya alat CPS ini, ianya yang mudah dibawa dan para pengguna dapat menerima isyarat secara terus daripada pesakit sekiranya mereka tidak berada disisi pesakit.